

LAMPIRAN

LAMPIRAN I

SKRIP TEATER “SITI DI ALAM FANTASI”

SITI DI ALAM FANTASI
“Satu Pengembaraan Merentas Fantasi”

SCENE 1

MUZIK PEMBUKAAN

SETTING RUMAH. RUANG TAMU DI BAHAGIAN-BAHAGIAN TERTENTU TERBUKA. DI SUDUT TENGAH, ALMARI DIBUKA DAN KELUARLAH CAHAYA GELIGA YANG SANGAT CANTIK MELEBIHI CAHAYA LAMPU YANG LAIN. MATA YANG MEMANDANG MESTI TERPEGUN MELIHAT PANCARAN CAHAYANYA. KELIHATAN RUANG TAMU DIHIAS CANTIK SESUAI UNTUK MENYAMBUT MAJLIS HARIJADI SITI YANG KE LAPAN TAHUN SECARA BESARAN. MAMAT SI BUDAK MISKIN YANG PENGOTOR MENGINTAI DARI SATU SUDUT LUAR.

MAMAT

(TERPEGUN) Cantiknya geliga... (ASIDE) Orang cerita, keluarga ni kaya kerana geliga ini. Ini rumah Tuan Malim. Anaknya cantik tapi sombong ! Orang kaya yang sombong !

PARA HADIRIN SUDAH MEMENUHI RUANG TAMU. MEREKA KELIHATAN SEDANG BERCAKAP-CAKAP.

TUAN MALIM

Mengumumkan harijadi yang ke lapan tahun, puteri kesayangan saya, Siti !

MUZIK GRAND. RUANG TANGGA BERPUSING DAN TERBUKA. SITI TURUN DARI ATAS TANGGA SAMBIL DIIRING OLEH BEBERAPA ORANG GAJINYA. SEMUA MATA TERTUMPU KEPADANYA. IA MEMAKAI BAJU GAUN YANG CANTIK. GAYANYA SEOLAH TUAN PUTERI YANG ANGGUN. JELAS KELIHATAN SITI SEORANG YANG CANTIK TETAPI SOMBONG DAN BONGKAK. PENARI MENARI DAN SITI TURUN TANGGA SAMBIL MENYANYI.

LAGU : KAYA HARTA KAYA RUPA

R : Dia cantik
 S : Aku cantik
 R : Dia kaya
 S : Aku kaya
 R : Dia mulia

S : Aku cantik
 R : Dia cantik
 S : Aku kaya
 R : Dia kaya
 S : Aku mulia

R : Dia punya harta berjuta
 Dia punya rupa yang lawa
 Dia punya geliga

S : Aku yang punya.

R : Dia punya hamba sahaya
 Dia memerintah sahaja
 Semua orang tak suka
 Tak seperti rupa.

S : Aku cantik

R : Dia cantik

S : Aku kaya

R : Dia kaya

S : Aku mulia

S : Aku punya harta berjuta
 Aku punya rupa yang lawa
 Aku punya geliga

R : Dia yang punya

S : Aku punya hamba sahaya
 Aku memerintah sahaja
 Yang miskin semua sama
 Tak berharga.

R : Dia punya harta berganda
 Dia membazir sahaja
 Dia punya kuasa
 Disalahguna.

R : Dia cantik

S : Aku cantik

R : Dia kaya

S : Aku kaya

R : Dia mulia.

R : Dia punya harta berjuta

S : Aku punya rupa yang lawa

R : Dia punya geliga

Punya geliga.

R : Ramai

S : Siti

TIBA-TIBA KILAT MEMANCAR DAN GURUH BERDENTUM DENGAN KUAT. GELAP. SEMUA CAHAYA LAMPU TERPADAM KECUALI CAHAYA DARI GELIGA. KELIHATAN SATU BAYANG KEPALA YANG BESAR MASUK KE RUANG TAMU MENUJU KE TEMPAT GELIGA. GELIGA KEMUDIANNYA KELIHATAN MELAYANG DAN HILANG. GELIGA DICURI.

DALAM CAHAYA YANG SURAM DAN KILAT MEMANCAR, RUMAH KELIHATAN BERGEGAR DAN PERLAHAN-LAHAN TENGGELAM BERSAMA SEMUA TETAMU DAN PENARI YANG KAKU. SITI DISELAMATKAN OLEH MAMAT DAN ANDAN (ORANG GAJI). MUZIK MEMBANTU MOOD TRAGEDI DAN MISTERI.

SCENE 2

MAMAT DAN ANDAN MENGUSUNG SITI YANG PENGSAH DAN DILETAKKAN DI PENTAS DEPAN. MEREKA KELIHATAN PENAT.

MAMAT

Siapa nak jaga dia ni ? Rumah dia, ayah dia, harta dia dah tenggelam dalam tanah.

ANDAN

Geliga dia dah dicuri !

MAMAT

Dicuri ? Siapa curi ?

ANDAN

Siapa curi ?

MAMAT

Engkau dalam rumah, tak nampak siapa yang curi ?

ANDAN

Engkau di luar rumah, tak nampak siapa yang datang mencuri ?

MAMAT

(ASIDE) Siapa curi geliga ? Nampak ?

ANDAN

Kesian dia...

MAMAT

Kesian dia buat apa ?

ANDAN

Dulu kaya, sekarang miskin.

MAMAT

Betulah orang cerita ! Kalau kaya tapi hati tak mulia...

SITI MENGERANG SEOLAH MENGIGAU. IA TERJAGA DAN TERJERIT MEMANGGIL AYAH.

ANDAN (PANIK)

Kenapa ? Kenapa Siti ?

SITI (MARAH)

Baju saya kotor, awak nampak tak ?

ANDAN SERBA SALAH. IA CEPAT-CEPAT MEMBERSIHKANNYA.

SITI (MARAHKAN ANDAN)

Kenapa tak baringkan saya atas tikar ?

MAMAT

Mana ada tikar dekat sini ?

SITI

Saya bukan bercakap dengan awak, budak miskin yang pengotor ! (KEPADA ANDAN)

Kalau tak ada tikar, daun pun boleh, faham ?

MAMAT

Bukan nak berterima kasih, kita dah selamatkan dia. Dia marah kita pulak !

SITI

Saya boleh marah awak, sebab awak anak tukang kebun saya, dan awak (KEPADA ANDAN) pembantu saya.

MAMAT

(MENGEJEK) Awak anak tukang kebun saya. Sombong !

SITI

Pengotor !

MAMAT

Sombong !

SITI

Pengotor !

ANDAN (PANIK)

Sudahlah Mamat ! Jangan bertengkar !

SITI

Saya tak suka budak pengotor ! Pergi !!

MAMAT

Memang padan muka jadi miskin ! Sombong ! Angkuh ! Bongkak !

SITI (MENJERIT)

Pergi !!

MAMAT (MENJERIT)

Si miskin yang sombong !!!!

SITI (JERIT)

Aku kaya !

MAMAT (JERIT)

Miskin ! Miskin sombong ! Sebab tu geliga kau hilang !

ANDAN

Sudah ! Jangan bertengkar !

SITI (MENANGIS)

Ayah.....!!!!

SITI MENANGIS DENGAN KUAT. MAMAT DAN ANDAN TERDIAM.

TIBA-TIBA KEDENGARAN BUNYI ANGIN YANG MENGGERUNKAN DARI ARAH BELAKANG BERCAMPUR BUNYI SEEKOR GERGASI YANG BANGUN DARI TIDUR. SITI TERHENTI MENANGIS. MEREKA Mencari bunyi tersebut ke arah belakang. Kelihatan MUKA GERGASI BATU SEMAKIN MENGHAMPIRI MEREKA. MULUTNYA BESAR. MEREKA TAKUT.

GERGASI (MENTERA)

Harta hanya sementara
Manusia miskin selama-lama
Tujuh keturunan papa kedana
Hilang maruah hilang mulia

Geliga yang dicuri
Harus dicari
Berbuat baik
Rumah tenggelam
Timbul balik

Dijalan
Berbagai rintangan
Carilah pertolongan
Jangan sesekali berbuat jahat
Dibalas jahat menjadi sesat

Satu pesan ku yang terakhir
Jangan engkau mungkir
Kaya bukan angkuh meraja
Miskin bukan hamba selama.
Kaya bukan angkuh meraja
Miskin bukan hamba selama

GERGASI MEMBUKA MULUTNYA LUAS-LUAS DAN MENYEDUT MEREKA MASUK KE MULUTNYA. KEADAAN SEPERTI BATU BELAH BATU BERTANGKUP. ANGIN BERTIUP KENCANG MENOLAK MEREKA HAMPIR KE MULUT YANG TERNGANGA LUAS. SITI DAN ANDAN MENJERIT KETAKUTAN. MAMAT CUBA MENOLONG TETAPI KETIGA-TIGANYA DISEDUT MASUK KE DALAM MULUT. GERGASI MENGUNYAH MULUTNYA DAN MENELAN. IA SENDAWA KENYANG.

PENTAS GELAP.

(SEMENTARA MENUNGGU PERTUKARAN SETTING, MEREKA SALING
MEMANGGIL)

SITI

Saya takut gelap !!!

SCENE 3

FADE IN LIGHT. KELIHATAN KAWASAN PEMBUANGAN SAMPAH YANG MENJADI BANDAR LIPAS. PAPAN TANDA "DILARANG MEMBUANG SAMPAH" CONDONG. SAMPAH JATUH KE BAWAH MELALUI SATU SALURAN (SEPERTI PAPAN GELUNGSUR) BERBENTUK HURUF "S". SAMPAH DARI PELBAGAI BENTUK BERGERAK SENDIRI. TIN DRAM YANG BERLABEL MAKANAN TEGAKBERDIRI TIBA-TIBA JATUH. KELUAR SEEKOR LIPAS SEOLAH PENCURI MENINJAU KEADAAN. SELAMAT. IA MEMANGGIL KAWAN-KAWAN LAIN. KELUAR LIPAS DARI MERATA SUDUT DAN CERUK. BARANG BUANGAN SEPERTI SUDU, TIN, BATANG MANCIS DIJADIKAN ALAT MUZIK. MEREKA MULA BERMAIN MUZIK, MENYANYI DAN PENARI-PENARI MENARI. LIGHTING SEOLAH KONSERT.

LAGU : LIPAS

Gembira hidup berkawan-kawan
 Banyak anak banyak keturunan
 Mencari makan bukanlah susah
 Banyak buangan bersepah-sepah.

Menyanyi
 La, la, la, la
 Menari
 La, la, la, la
 Senang hati
 Oh suka hati.

Gelapnya
 La, la, la, la
 Merayap
 La, la, la, la
 Sampah sarap
 Oh sampah sarap

Gembira hidup berkawan-kawan
 Banyak anak banyak keturunan
 Bau busuk yang menusuk
 Tersengeh-sengeh kami seronok

Berpesta
 La, la, la, la
 Merata
 La, la, la, la
 Bahagia
 Oh bahagia

TIBA-TIBA TERDENGAR JERITAN DARI SALURAN BUANGAN. ANDAN, MAMAT DAN SITI BESAR JATUH. LIPAS TERKEJUT DAN SEMUA LARI SEMBUNYI. MEREKA DIPENUHI SAMPAH. MASING-MASING MENERANG KESAKITAN. ANDAN BERGE GAS MENCARI SITI KECIL. TAK JUMPA.

ANDAN

Siti ! Siti ? (MENGHAMPIRI SITI BESAR) Ini bukan Siti. Siti ! Mamat, Siti hilang !
Cepat cari Siti Mamat !

ANDAN MEYELONGKAR SAMPAH CAR SITI. MAMAT SIBUK MENCARI SEBELAH KASUTNYA

MAMAT

Kasut aku hilang ! Kasut aku ini ajalah satu.

LIPAS KELUAR DARI TEMPAT SEMBUNYI DAN CUBA MENGHAMPIRI MEREKA. SITI BESAR BANGUN DAN CUBA MEMBERSIHKAN BAJUNYA. SITI TERKEJUT TERUS TERJERIT KERANA TERPERANJAT DIRINYA SUDAH BESAR. LIPAS TERKEJUT DAN LARI SEMBUNYI LAGI. SITI MENANGIS. ANDAN DAN MAMAT HAIRAN.

MAMAT

Laa..kenapa kakak menangis ?

SITI BERTAMBAH KUAT MENANGIS.

ANDAN

Kakak nampak tak budak kecik, nama dia Siti ?

SITI CUBA MENGISYARATKAN DIRINYA ADALAH SITI. MAMAT DAN ANDAN TAK FAHAM.

MAMAT

Kakak dah besar, kakak tak malu ke menangis macam budak kecik ?

SITI

Siti ! Saya Siti !

ANDAN

Kami cari Siti Kecik bukan Siti Besar

SITI (MARAH)

Saya dah jadi besar !

ANDAN (HAIRAN)

Siti dah besar ? Ha'ah suara pun dah besar

MAMAT (MELIHAT SITI ATAS BAWAH)

Ha'ah ! Besar. Macamana boleh besar ? Kenapa engkau aja yang besar ? Aku pun nak besar jugak ! (MAMAT CUBA MELONJAK-LONJAK)

SITI

Mana saya tahu ? Saya memang selalu nak jadi orang besar, tapi bukan sekarang.

(MULA MENANGIS SEDIH. IA MEMBERSIHKAN BAJUNYA) Baju saya kotor...

(MENCIUM BAJUNYA) Busuknya !! Uwek ! Macamana ni... ? (MARAH)

SITI NAMPAK LIPAS BERGERAK. SITI TERHENTI MENANGIS

SITI (TERKEJUT, PANIK)

Apa tu ? Siapa ? Apa bergerak tu ?

MAMAT DAN ANDAN TURUT SAMA MENJADI TAKUT DAN PANIK

MAMAT

Mana ? Mana ?

SITI (MENUNJUK BEBERAPA ARAH)

Sana ! Sana !

LIPAS BERGERAK MENGHAMPIRI MEREKA DARI BEBERAPA ARAH

SITI / MAMAT / ANDAN (TERKEJUT)

Uhhhhhhh.....

MAMAT PANIK

Siapa temak lipas besar-besar niiii ?

SITI (JIJIK)

Halau lipas ni dari sini ! Syuh ! Pergi ! Halau lipas niiii !! Saya tak suka lipas !!!.

SEMUA LIPAS (BENCI)

Uhhhhhhh.....

MAMAT CUBA MENGERTAK LIPAS SEBALIKNYA LIPAS JUGA MENGERTAK MEREKA

MAMAT

Habislah ! Habislah kali ni.. (MENCARI AKAL) Lari....!!!

MEREKA LARI SAMBIL TERJERIT DIKEJAR LIPAS. MAMAT PATAH BALIK MENCARI KASUTNYA. ADA YANG LALU CELAH KANGKANG SITI, ADA YANG LARI DEPAN DAN BELAKANG DAN AKHIRNYA MEREKA DIHALANG OLEH LIPAS.

KETUA LIPAS

Lu Lipas jenis apa ha ?

MAMAT

Ah ? Siapa bercakap ?

KETUA LIPAS

Gua lah ! (KEPADA PENGIKUTNYA) Sama bahasa.

MAMAT (TERKEJUT)

Alamak, Lipas bercakap ? (MENJERIT) Hoi ! Aku kat mana ni ? (ECHO) kat mana ni, kat mana ni, kat mana ni....

SEMUA LIPAS (MENDONGAK KE ATAS TERPEGUN BUNYI ECHO)

Uhhhhh.....

MAMAT (MENENGKING SITI)

Ini semua engkau punya pasal lah !

SITI (MENENGKING MAMAT)

Ayah aku pun tak pernah marah aku ! Engkau siapa nak tengking-tengking aku ?

ANDAN (TINGGI)

Sudahlah...Jangan bergaduh !

SITI (MARAH)

Engkau pun diamlah ! Ayah aku yang bayar gaji engkau, tau tak ?

MAMAT

Ayah engkau dalam tanah !

SITI

Aku boleh dapatkan balik geliga ! Aku bayar gaji engkau orang !

SEMUA LIPAS UNDUR SEDIKIT KE BELAKANG BILA MELIHAT KEGARANGAN
SITI KECUALI ANAK LIPAS YANG KE DEPAN.

KETUA LIPAS

Uh, dia orang...bukan binatang. Fuh ! Garangggg....

ANAK LIPAS

Tangkap aja Pak ! Tangkap ! Yang betina tu gua nak jadikan ratu lipas ! Lagi garang lagi gua suka pak !

SITI

Siapa suka engkau ? Lipas busuk ! Lipas pengotor ! Tinggal pun di tempat orang buang sampah !

KETUA LIPAS

Lagi banyak orang buang sampah merata-rata, lagi kita suka. Lu orang, sudah kena buang ke ?

ANDAN

Orang tak buang orang !

KETUA LIPAS

Orang mati, orang separuh mati, orang buang sini.

ANAK LIPAS (MENUNJUK KE SITI)

Yang betina tu Pak ! Betina tu !

KETUA LIPAS

Lipas kawan lipas, bukan suka sama orang. Yang betina tu, buruk ! Tak ada kepak, tak ada sesungut. Tak boleh jadi ratu lipas !

SEMUA LIPAS KETAWAKAN SITI

SITI (MARAH)

Kau yang buruk ! Pengotor !

SEMUA LIPAS

Buruk heeeeee....

SITI

Aku cantik ! Aku yang tercantik !

TIBA-TIBA 2 EKOR LIPAS MELUNGSUR MELALUI SALURAN.

2 EKOR LIPAS (MENJERIT)

Tepi ! Tepi ! Kecemasan !!!

KEDUA-DUA LIPAS JATUH TERTONGGENG, MEREKA CEPAT-CEPAT BANGUN UNTUK MEMBUAT LAPORAN MAKLUMAT.

LIPAS 1 (BERBAHASA INDON)

Pencemaran Pak ! Pencemaran !

SEMUA LIPAS (SUSPENS)

Uhhhhh....

LIPAS 1 (TERMENGAH-MENGAH)

Air sungai enggak bisa diminum lagi ! Ada.....(KEDUA LIPAS MEMBUAT AKSI DIRACUN)

SEMUA LIPAS PANIK. UNDUR SEDIKIT KE BELAKANG.

KETUA LIPAS (PANIK)

Kenapa ni ? Malapetaka apa ni ?

LIPAS 1

Ada racun Pak ! Racun asid kimia !

KETUA LIPAS (LEBIH PANIK)

Mana ? Mana ?

LIPAS 2

Pokoknya kita enggak bisa minum air sungai Pak ! Ikan mati, katak mati ! Orang mati ! Kita turut mati lo !

KETUA LIPAS

Tak ada tempat lain ke nak buang asid ? Umumkan sungai itu bahaya ! Cari sungai lain !

LIPAS 2

Semua sungai sudah bahaya Pak ! Pencemaran !

SITI

Mamat ! Cakap pada tekong Lipas tu, jangan bawa pendatang haram masuk negara ni ! Kes berat ni !

KETUA LIPAS (PURA-PURA TAK TAHU)

Mana ? Mana pendatang haram ? Tak ada. Lu ? Lu ? Lu ? Lu pendatang haram ?

LIPAS 2

Enggak ! Saya enggak datang naik tongkang. Saya enggak bisa tu, jauh lagi dari pantai disuruh terjun ! Berenang, berenang ke pantai. Capek ! Capek sekali ! Kamu enggak rasa... kalau kamu yang rasa, seratus kali kamu enggak mahu jadi buangan !

KETUA LIPAS (MARAH LIPAS 2)

Ini ! Kamu sudah dibilang si, jangan ngomong yang banyak ! Lu sudah dikenal KTP nya. Lu orak reti ngomong jawa ?

LIPAS 2

Saya enggak bilang saya pendatang haram ! Sumpah Pak !

SITI

Pencemaran !

KETUA LIPAS

Dia enggak ada asid kimia ! Enggak beracun !

SITI

Semua lipas perosak !

SEMUA LIPAS (MARAH)

Uhhhhhhggggg...

SEMUA LIPAS MENGHAMPIRI SITI. MAMAT CUBA MENYELAMAT KEADAAN.

MAMAT

Manusia pun perosak juga. Manusia buang asid kimia di sungai !

LIPAS MENJADI SEMAKIN MARAH. ANDAN PULA CUBA MENYELAMAT.

ANDAN

Kami tak buang ! Orang lain buang ! kami boleh tolong, bagitahu manusia...jangan buang asid kimia merata-rata !

SEMUA LIPAS TENANG SEMULA. SEEKOR LIPAS JUMPA KASUT.

MAMAT

Hoi ! Yang tu aku punya !!!

LIPAS

Gua punya !

MAMAT

Itu aku punya !

KETUA LIPAS

Kalau sudah di tempat pembuangan...siapa yang jumpa dia yang punya !

SITI

Mamat !! Biarlah kasut murah tu !

MAMAT

Murah pada engkau, mahal pada aku ! Hoi ! Nama aku pun ada kat kasut tu !!

SEMUA LIPAS SEOLAH MARAH. MAMAT UNDUR.

ANDAN

Ketua Lipas, kami kena keluar dulu dari sini. Kalau tidak macamana nak tolong halang orang jahat buang asid kimia merata-rata ?

SITI

Sebelum kami balik, kami kena cari pencuri geliga. Ada nampak satu bayang besar dengan cahaya yang cantik lalu di sini ?

KETUA LIPAS

Ada sesiapa nampak ?

SEMUA LIPAS

Tidak nampak Ketua Lipas.

SITI

Mana jalan keluar ?

KETUA LIPAS

Ikut lorong sini, hingga ke jalan besar. Jalan kanan, jangan ke kiri.

SEMUA LIPAS (TAKUT)

Uhhhhh....

SITI (SANGSI)

Jalan kanan jangan ke kiri ? Kenapa ?

KETUA LIPAS

Bahaya.

MAMAT

Bahaya apa ?

KETUA LIPAS (TAKUT)

Lipas yang ke sana tak pernah balik ke sini lagi !

TIBA-TIBA ASAP MEMENUHI RUANG. SEMUA LIPAS BATUK-BATUK.

KETUA LIPAS

Pencemaran udara ! Pencemaran udara ! Dengar sini lipas-lipas ! Mulai sekarang, elakkan temu manusia hidup ! Lu boleh keluar waktu malam saja !! Lari ! Lari !

SEMUA LIPAS LARI KETAKUTAN. MAMAT, ANDAN DAN SITI LARI HINGGA KE PENTAS DEPAN. MAMAT HANYA MEMAKAI SEBELAH KASUT.

SCENE 4

PENTAS DEPAN. MUZIK LAGU MENGEMBARA. MEREKA MENYANYI SAMBIL BERJALAN. KELIHATAN SITI SOMBONG DAN MEMERINTAH SAHAJA.

LAGU : MENGEMBARA

R : Mengembara
Mengembara
Hingga ke mana-mana

Mengembara
Mengembara
Mencari geliga

S : Pergi kerna terpaksa
Selesa lagi istana
Geliga yang dicuri
Harus dicari

P : Pergi kerna terpaksa
Sebab kami bekerja
Gaji akan diberi
Bila balik nanti

R : Mengembara
Mengembara
Hingga ke mana-mana

Mengembara
Mengembara
Mencari geliga

R : Ramai

S : Siti

P : Pengikut

DI JALAN, MEREKA BERJUMPA DENGAN BURUNG BAYAN YANG CUBA TERBANG TETAPI KEPAK PATAH. MAMAT DAN ANDAN MELIHAT KAGUM BAYAN YANG CANTIK.

ANDAN

Cantiknya burung Bayan ni.

MAMAT

Kepak dia patah !

BAYAN

Hati-hati ! Bahaya menanti ! Hati-hati !!

ANDAN CUBA MENDEKATI BAYAN UNTUK MERAWAT KEPAK BAYAN YANG PATAH. ANDAN MENGAMBIL DAUN DARI SETTING UNTUK MEMBALUT KEPAK BAYAN. SITI MELIHAT JALAN YANG BERSIMPANG.

SITI

Jalan kanan jangan ke kiri. Andan ! Mamat ! Kita masuk jalan kiri !

MAMAT (TERKEJUT)

Siti! Ingat pesan Lipas, jalan kanan jangan ke kiri

SITI

Kamu percaya pada Lipas ? Hei, kamu berdua pun aku tak percaya tau ?

MAMAT

Tak percaya pada kami tak apa ! Tapi jalan kiri bahaya !

SITI

Ini semua muslihat lipas ! Macamana kalau kanan yang bahaya ?

BAYAN CUBA BANGUN UNTUK TERBANG SEMULA TAPI MASIH SAKIT DAN TERHUYUNG-HAYANG.

BAYAN

Sebelah kiri jalan mati ! Sebelah kiri jalan mati ! Hati-hati ! Bahaya menanti ! Bahaya menanti !

SITI

Saya tak perlukan nasihat awak, Bayan ! Awak sendiri patah kepak. Kenapa tak hati-hati? Pandai nak menasihatkan orang lain !!

MAMAT

Jangan macam tu Siti, mungkin Bayan nak bagitahu sesuatu.

SITI

Bagitahu apa ?

MAMAT

Bagi nasihat. Apa salahnya terima nasihat ?

SITI

Saya tak ada masa nak dengar nasihat.

MAMAT

Macam-macam kita tak tahu, sebab tu kena dengar nasihat.

SITI (BOSAN)

Dengar nasihat lagi. Mamat, sekarang awak bekerja dengan saya. Awak yang kena dengar nasihat dari saya !

MAMAT

Siapa-siapa pun boleh bagi nasihat, kalau dah tak betul !

SITI (MENINGGI)

Siapa tak betul ? Saya tak suka orang yang membantah cakap. Ayah saya sendiri pun tak pernah bantah apa yang saya nak tahu ?

MAMAT

Betullah cerita orang, sombong engkau ni yang buat geliga hilang ! Patutlah ayah engkau pun lebih suka tenggelam dalam tanah, dari tengok engkau yang degil sombong !

ANDAN

Mat, janganlah bertengkar dengan dia.

MAMAT (MENINGGIKAN SUARA)

Engkau jangan nak masuk campur ! Dia ni bongkak ! Sampai nak dengar nasihat pun payah!

ANDAN

Yang engkau marahkan aku pulak, kenapa ? Aku tak suka engkau bertengkar !

BAYAN

Sekali bertengkar, sekali bahaya datang. Sekali bertengkar, sekali bahaya datang.

ANDAN

Boleh kita bawa Bayan sekali ?

SITI (MARAH)

Tak boleh ! Kita nak cari pencuri geliga. Bukan nak jaga burung yang patah kepak ! (MENGEJEK) Hati-hati ! Bahaya menanti ! Tinggalkan burung tu kat situ ! Kalau dia tak boleh terbang, biar dia mati dimakan binatang !

TIBA-TIBA SITI BERBUNYI SEPERTI KELDAI. SITI CEPAT-CEPAT MENUTUP MULUTNYA. SEMUA MENJADI HAIRAN DAN SALING BERPANDANGAN. WALAUPUN MENUTUP MULUT SITI MASIH BERBUNYI KELDAI DAN MENGAMBIL SEDIKIT SEBANYAK PERGERAKAN KELDAI. IA MALU DAN LARI MASUK KE JALAN KIRI. MAMAT CUBA MENAHAN SAMBIL MEMANGGIL NAMA SITI. OFF STAGE. ANDAN CEPAT-CEPAT MENYURUH BAYAN TERBANG.

ANDAN

Cepat terbang ! Terbang Bayan ! Cepat terbang ! Nanti aku pulak tertinggal di belakang !

BAYAN

Bahaya menanti ! Kenapa datang sini ? Kenapa datang sini ?

ANDAN

Kami cari geliga yang dicuri. Cepat terbang Bayan ! Aku takut aku hilang !

BAYAN

Siti sombong ! Siti sombong ! Siapa sombong jadi keldai ! Siapa sombong jadi keldai !

BERSUSAH PAYAH BAYAN CUBA JUGA TERBANG. SEBAIK SAJA BAYAN TERBANG, SITI DAN MAMAT BERKEJARAN. ENTER STAGE SEMULA. MELOMPAT SESUMPAH DI HADAPAN MEREKA. SESUMPAH MENGEMBANGKAN TENGKUKNYA BERSEDIA MAHU MENYERANG GARANG. SITI DAN PENGIKUT SETAPAK UNDUR KE BELAKANG. SESUMPAH JUGA SETAPAK MAJU KE DEPAN.

MAMAT

Undur ke belakang...undur...

SEGMENT (SELEPAS MENGEMBARA)

EMPAT EKOR LEBAH BERADA DI TIGA KAWASAN BUNGA (BALCONY). DUA EKOR LEBAH BAIK DI SATU TEMPAT, DUA EKOR LEBAH GARANG DI TEMPAT YANG BERLAINAN.

LEBAH BAIK 1 (TAKUT SESUMPAH)

Besarnya Sesumpah, garangnya...Sesumpah tu sedang cari mangsa, heeee...

LEBAH GARANG 2

Nasib baik Siti sempat lari, kalau tidak mesti dimakan.

LEBAH GARANG 1

Kenapa Sesumpah tu tak makan aja Siti ? Sombong ! Siapa sombong jadi keldai !

(BERCAKAP KEPADA PENONTON) Tahu keldai tu binatang jenis apa ? Keldai ni, tak pandai tapi berlagak pandai ! Bodoh sombong !!

LEBAH BAIK 1

Kesian Siti...Mula-mula bunyi keldai, lepas tu jalan macam keldai.

LEBAH BAIK 2

Kalau sombong lagi, tumbuh telinga panjang macam keldai, sombong lagi, tumbuh bulu tumbuh ekor !

LEBAH BAIK 1

Macamana kita nak menolong ?

LEBAH GARANG 1

Jangan ditolong !

LEBAH GARANG 2

Biar dia jadi keldai ! Lain kali biar Siti ingat, kalau tak mendengar nasihat, tak mendengar arahan... dapat kesusahan !

LEBAH BAIK 1

Sekarang pun Siti dalam kesusahan. Apa salahnya kita lebah ni berbuat baik ? Kita tolong, jom ?

LEBAH GARANG 1

Jangan pergi ! Jangan ditolong orang yang degil sombong. Kalau Siti dimakan Sesumpah pun lagi bagus !

LEBAH BAIK 2

Jangan pedulikan lebah garang tu ! Dia tu tak ada belas kasihan !

LEBAH GARANG 1

Siti lagi tak ada belas kasihan ! Siti suka Bayan mati dimakan binatang buas ?
(MEMANGGIL SESUMPAH) Sesumpah ! Sesumpah ! Mana engkau Sesumpah ?
Sesumpah pergilah makan Siti ! Makan lebah ni sekali !!! He, he, he...

LEBAH BAIK 1 DAN LEBAH BAIK 2 KETAKUTAN APABILA DISEBUT NAMA SESUMPAH. OFF BALCONY.

MEREKA KETAKUTAN. TERJERIT DAN CABUT LARI. SESUMPAH MENGIKUT MEREKA DARI BELAKANG. OFF STAGE.

SCENE 5

MALAM. BUNYI CENGKERIK. KELIHATAN CAHAYA BERTERBANGAN DENGAN CANTIK. KELIP-KELIP MENYANYI DAN MENARI SEOLAH-OLAH DI ALAM FANTASI. MOOD MENDAYU SEPERTI ANGIN YANG BERLALU.

LAGU : KELIP-KELIP

Bertemu
Kita bertemu
Berpisah
Janganlah resah.
Seperti pelangi senja
Datang dan pergi sekejap saja.

*chorus

Selalu berkasih sayang
Sepanjang hayat
Biar dikenang.
Selalu bermurah hati
Budi yang baik dibawa mati

Bertemu
Kita bertemu
Berpisah
Janganlah resah.
Seperti malam dan siang
Silih berganti pergi dan datang

Selalu berbuat jasa
Hidup yang ada
Jangan disia.
Selalu merendah diri
Di dalam hati biarlah suci

*ulang rangkap 2 sahaja.

SITI DAN PENGIKUT TERMENGAH-MENGAH SAMPAI KE TEMPAT KELIP-KELIP YANG PENUH DENGAN FANTASI. SEKELIP MATA KELIP-KELIP TERBANG HILANG. TINGGAL SEEKOR KELIP-KELIP YANG TERSEKIT KEPAKNYA DI DAHAN KAYU.

ANDAN

Sesumpah tu masih ikut kita. Sekejap di tanah, sekejap melompat dari pokok ke pokok. Aku takut dia melompat ditengkok. Heee...

MAMAT

Kita dah tinggalkan dia jauh ke belakang. Sudah dipesan jalan kanan jangan kiri ! Sombong! Tak dengar nasihat. Mementingkan diri sendiri !

SITI

Memang aku sombong ! Aku pentingkan diri sendiri ! (BUNYI KELDAI SITI CEPAT MENUTUP MULUTNYA)

MAMAT

Buat jahat balasnya jahat ! Apa salahnya dibawa burung Bayan tu sekali ? Sombong ! Aku hairan betul, kenapa ada jugak orang dalam dunia ni yang tak reti belas kasihan ! (MENYANYI) Keldai oh keldai kenapa engkau berbunyi ? Macamana aku tak bunyi, aku bodoh sombong !

SITI (SAKIT HATI)

Aku mesti cari geliga secepat mungkin. Aku tak suka tinggal lama di sini !

ANDAN

Ahh...penatnya. Boleh kita berehat ?

MEREKA BERHENTI BEREHAT. SITI MASIH MEMIKIR.

SITI

Siapa pencuri geliga ? Siapa ? Siapa, cuba fikir ! Siapa pencuri ? Siapa pencuri ?

ANDAN

Bukan pencuri, penyangak ! Penyangak geliga !

SITI

Penyangak ke, pencuri ke, dia mesti besar, badan besar, kuasa besar. Siapa ? Siapa ? Fikir, siapa ?

MEREKA BERTIGA DIAM SEJENAK BERFIKIR.

MAMAT

Gergasi besar.

ANDAN

Jin lagi besar.

SITI GELENG KEPALA.

MAMAT

Bukan gergasi, bukan jin, apa dia ?

ANDAN NAMPAK KELIP-KELIP YANG DISANGKA HANTU. IA TAKUT UNTUK MENYEBUTNYA. SITI DAN MAMAT MENEKA.

ANDAN

Aku nampak... aku nampak...

MAMAT

Nampak apa ? Rambut ?

SITI

Rambut panjang ? Betul ?

MAMAT

Cakap ! Engkau tak boleh cakap ke ?

SITI

Ketawa ? Ketawa panjang ! Betul ! Jangan marah !

MAMAT

Tak aci ! Lagi ! Tanah. Kaki tanah !

SITI

Kasut ?

MAMAT (MARAH)

Kasut jangan sebut !

SITI

Kasut murah !

MAMAT (MARAH)

Apa ? Kaki tak pijak tanah ! Betul ! Kaki tak pijak tanah tu... hantu !

MEREKA MELOMPAT KETAKUTAN. ANDAN HAMPIR MAHU MENANGIS. SITI CUBA MENDEKATI KELIP-KELIP.

ANDAN

Kita balik ! Lupakan aja nak cari geliga.

SITI

Tak boleh ! Tak boleh balik kalau tak ada geliga.

ANDAN

Kita patah balik !

MAMAT

Patah balik pun tak boleh, nanti dimakan Sesumpah.

SITI

Siapa ? Siapa ?

ANDAN

Hantuuuuu.....

MAMAT

Tanya dia siapa mana dia nak jawab ? Engkau hantu ke bukan ?

KELIP API (SAYU)

Bukan... Aku Si kelip Api

SITI MENDAPATKAN KELIP API YANG TERSANGKUT. ANDAN MENGIKUT DENGAN RASA TAKUT.

SITI

Kenapa awak di sini ?

KELIP API

Kepak ku tersepit di celah dahan.

MAMAT

Kenapa kawan-kawan awak tak menolong ?

KELIP API

Menolong tak semestinya mati bersama-sama.

SITI

Mamat, lepaskan Si Kelip Api

MAMAT CUBA MELEPASKAN KELIP API. TAPI TAK BOLEH. ANDAN JUGA MEMBANTU. SITI MELIHAT KELILING TAKUT SESUMPAAH SAMPAI KELIP API MENERANG KESAKITAN DAN SUDAH KELIHATAN LEMAH.

MAMAT

Kalau ku tarik kuat, putus kepaknya. Dahan ini pulak kukuh.

SITI

Kita kena cepat Mamat. Takut Sesumpah semakin dekat.

KELIP API

Tinggalkanlah aku. Ditolong pun mati tak ditolong pun aku tetap mati. Lihatlah cahaya ku yang sudah malap. Niat baik kamu semua ingin menolong, sudah membuat aku terhutang budi. Kalau selalu bermurah hati, budi baik dibawa mati...

KELIP API MENCABUT CAHAYA DI EKORNYA. KELIP API DALAM KESAKITAN. MEREKA TERKEJUT DENGAN TINDAKAN KELIP API. KELIP API BERI LAMPUNYA KEPADA SITI. SEMUA TERHARU DENGAN SIKAP KELIP API YANG TIDAK MEMENTINGKAN DIRI DAN SANGGUP BERKORBAN.

KELIP API

Jika cahaya padam, bererti aku mati. Simpanlah... cahaya akan bernyala semula kalau seru nama aku. Gunakan sebagai penyuluh jalan. Ingatlah... Selalu berkasih sayang, sepanjang hayat akan dikenang...

SITI (TERHARU)

Selalu berkasih sayang, sepanjang hayat akan dikenang.

SITI DAN PENGIKUT MENINGGALKAN KELIP API DI DAHAN DENGAN SEDIH DAN SAYU. SITI MEMEGANG CAHAYA TERSEBUT SEBAGAI PENYULUH JALAN. BUNYI CENGKERIK, BUNYI HUTAN YANG MENAKUTKAN DAN TERSULUH POKOK HANTU DAN MATA BURUNG HANTU YANG TIBA-TIBA BERBUNYI MENGEJUTKAN. MEREKA TERJERIT TERKEJUT LARI OFF STAGE.

SESUMPAH MENGHAMPIRI POKOK TEMPAT KELIP API TERSEPIT. KELIP-KELIP YANG LAIN CEPAT DATANG MENOLONG.

KELIP API

Jangan ! Jangan datang ke sini lagi ! Pergi ! Pergilah kawan-kawan ! Cepat terbang ! Cepat terbang !

SESUMPAH SEMAKIN DEKAT. SEMUA KELIP-KELIP TERBANG MENINGGALKAN KELIP API.

KELIP API

Selamat tinggal kawan-kawan....

SESUMPAH MENERKAM DAN MENGUNYAH KELIP-KELIP YANG MENERANG KESAKITAN.

PENTAS DEPAN. SITI DAN PENGIKUTNYA MASUK SEMULA.

ANDAN

Kita nak ke mana dalam gelap ni ?

SITI

Jangan takut. Ke mana-mana pun kita akan tetap bersama.

LAMPU KELIP API TIBA-TIBA TERPADAM. SEMUA TERKEJUT.

SITI

Si Kelip Api dah mati... Selalu berkasih sayang sepanjang hayat akan dikenang...

MAMAT

Sesumpah, rasanya semakin dekat, lebih baik kita cepat.

SITI DAN PENGIKUTNYA OFF STAGE. MELOMPAT SESUMPAH MENGIKUT
ARAH MEREKA.

FADE OFF

SCENE 6

PAGI. BUNGA BARU BERKEMBANG. BUNGA KEMBANG PAGI BARU TERBUKA. CAHAYA MATAHARI BARU MEMANCAR DARI CELAH DAUN YANG LEBAR. SITI DAN PENGIKUTNYA SAMPAI KE KAWASAN TUMBUHAN YANG BESAR-BESAR. LALANG, RUMPUT, DAUN DAN DURI SEMUANYA LEBIH BESAR DAN LEBIH TINGGI DARI MEREKA. MEREKA LONGLAI KEPENATAN DAN MENGANTUK. MEREKA KAGUM DENGAN SEKELILING. BURUNG BAYAN BERBUNYI DI DAHAN.

ANDAN

Bayan ! Kau dah boleh terbang ?

BAYAN

Terima kasih ! Terima kasih ! Buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali.

SITI

(KEPADA ANDAN) Tanya Bayan kenapa suara saya jadi suara keldai ?

BAYAN

Buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali.

SITI

Saya pun tahu peribahasa tu !

BAYAN

Buat baik berpada-pada....

SITI (MARAH)

Syuh ! Syuh ! Pergi kau Bayan jahat ! Dengan Bayanlah tak boleh berbuat baik ! Bayan jahat !! Syuh ! Syuh !! (BUNYI KELDAI)

BAYAN TERBANG MENINGGALKAN MEREKA.

SITI PANDANG ANDAN DAN MAMAT. MAMAT PURA-PURA TIDAK PEDULIKAN SITI.

MAMAT

Besarnya daun ni, (MENDONGAK KE ATAS MELIHAT PUCUK LALANG) tingginya.

ANDAN

Kalau daun besar ni, duri besar ini. Kutu atas kepala besar mana ?

MAMAT

Besar ayam.

ANDAN

Kalau cicak ?

MAMAT
 Besar buaya.

ANDAN
 Nyamuk ?

MAMAT
 Besar helikopter.

ANDAN
 Siput babi ?

MAMAT
 Besar keretapi !

MAMAT KETAWA BERDEKAH-DEKAH. ANDAN JUGA KETAWA TETAPI MASIH TAKUT DIMARAH SITI.

SITI
 Janganlah suka sangat ! Kita cari pencuri geliga bukan pergi bercuti ! Malam yang pendek, siang yang panjang. (MENGUAP) Kita tak sempat tidur pun.

MEREKA Mencari posisi yang selesa untuk melelapkan mata.

SITI
 Salah seorang dari kita kena berjaga.

SITI DAN ANDAN MEMANDANG MAMAT.

MAMAT
 Kenapa aku pulak yang tak boleh tidur ?

ANDAN
 Engkau besar dari aku, engkaulah jaga !

MAMAT
 Aku lebih penat dari engkau.

ANDAN
 Aku pun penat jugak !

MAMAT
 Engkau jaga !

ANDAN
 Engkaulah jaga !

SITI BERDENGKUR KEPENATAN. MAMAT DAN ANDAN SALING BERPANDANGAN DAN MAMAT PERLAHAN-LAHAN Mencari posisi untuk tidur.

ANDAN (MENGURUT PERUTNYA)

Aduhhh....lapamya.

MAMAT BERDENGKUR. ANDAN CUBA BERJAGA TETAPI MATANYA TERLALU BERAT. IA TIDUR TEGAK DAN KEMUDIANNYA JATUH TERSUNGKUR TERTIDUR JUGA.

SEEKOR ANAK ULAT BULU YANG MEMBAWA BEG SEKOLAH ENTER STAGE SAMBIL MENARI. ANAK ULAT BULU NAMPAK SITI DAN PENGIKUTNYA. IA HAIRAN. MUKANYA HAMPIR KE MUKA ANDAN .

ANDAN (TERKEJUT TERJERIT)

Ahhhhh!!!!

ANAK ULAT BULU TERKEJUT TERLOMPAT-LOMPAT. SEMUA TERBANGUN.

ANAK ULAT BULU

Terkejut, jut, jut, terkejut !

MAMAT

Besarnya ulat bulu ! Geli hee...

ANAK ULAT BULU

Lari, ri, ri, lari, ri, ri

SITI

Tahan dia Mat !

ANAK ULAT BULU TAK DAPAT LARI KERANA DIHALANG OLEH MAMAT YANG GELI-GELEMAN.

MAMAT (GELI)

Aku tak boleh dengan ulat bulu ni...

ANAK ULAT BULU (HAMPIR MENANGIS)

Hek, hek...janganlah, hek, hek..(MENYOROKKAN BEG SEKOLAHNYA KE BELAKANG)

SITI

Kenapa lari ?

ANAK ULAT BULU

Kenapa kejar ?

SITI

Saya nak tumpang bertanya.

ANAK ULAT BULU

Kenapa nak tanya, nya, nya ? Bukan nak tangkap, kap, kap ?

MAMAT (GELI-GELEMAN)

Siapa nak tangkap ? Ulat bulu gatal. Hee..

ANAK ULAT BULU (BERCAKAP SAMBIL KETAWA)

Jangan, jangan geletek, tek, tek...I geli

MAMAT

Siapa geletek ? Perasan !

ANDAN DAN MAMAT TERIKUT KETAWA ANAK ULAT BULU.

SITI

Ulat bulu, kami dalam perjalanan mencari pencuri geliga. Adakah ulat bulu nampak satu bayang besar dengan cahaya yang cantik lalu di sini ?

ANAK ULAT BULU MASIH KETAWA. SITI JADI MARAH.

SITI (MENINGGIKAN SUARANYA)

Ulat bulu ! Saya tak ada masa nak gelak ! Saya dah berjalan berhari-hari. Saya dah penat. Saya sedang marah sekarang ni. Saya marah ni !

ANAK ULAT BULU

Takuttt....

ANAK ULAT BULU NAK LARI LAGI TAPI DITAHAN OLEH ANDAN

ANAK ULAT BULU

I tak buat salah u,uu.

ANDAN

Habis ? Kenapa takut ?

ANAK ULAT BULU MENYOROKKAN BEG SEKOLAHNYA KE BELAKANG.
TIBA-TIBA MASUK LAGI DUA EKOR ULAT BULU SEBAYA YANG MEMBAWA
BEG SEKOLAH. MUZIK MENGIRING ULAT BULU BERJALAN.

ULAT BULU 1 (SAMBIL BERJALAN)

Lenggok, lenggok, gok, gok...Hai U, hari ni nak lepak shopping complex mana ?

ULAT BULU 2

Siapa tu ? Lain aja dari kaum. Geli I tengok !!

ANAK ULAT BULU

Dia marah, takutttt... kap, kap..teng, teng..lah, lah...

ULAT BULU 1 & 2

Kap, kap, teng, teng, lah ???

KEDUA ULAT BULU TERLONCAT-LONCAT TAKUT NAK LARI

SITI (MARAH)

Tunggu !!!

KEDUA ULAT BULU 1 & 2 TERHENTI.

ANAK ULAT BULU

Tunggu I..I,I (MENANGIS) Hek, hek, hek

SITI (MARAH)

Apa kap, kap, teng, teng, lah, lah ? Cakap !!

ANAK ULAT BULU

Tangkap ponteng sekolah !!

MAMAT

Ulat bulu pun ada sekolah ? Belajar apa ?

SITI

Belajar apa ?

ANAK ULAT BULU (HAMPIR MENANGIS)

Belajar ABC,CC

SITI

Lepas C bukan C, D ! Lagi ?

ANAK ULAT BULU (TANYA ULAT BULU 2)

Lagi apa, pa, pa ?

ANDAN

Aii ? Dia ulat sekolah, dia ulat tak tahu belajar apa ?

MAMAT

Lagi belajar apa ?

ULAT BULU 2 TERGEDIK-GEDIK TAK TAHU JAWAB.

MAMAT

Itulah ! Malas lagi pergi sekolah ! Belajar apa pun tak tahu.

ULAT BULU 1 (TAKUT)

Belajar rukun keselamatan..elak diri dari dimakan...

SITI

Kami tak makan ulat.

ANAK ULAT BULU

Tak makan ulat lu, lu ?

ULAT BULU 2

Tak tangkap ponteng sekolah ?

ULAT-ULAT BULU MELONCAT SERONOK KEBEBASAN.

ANAK ULAT BULU 1 & 2

Boleh kawan, wan, wan !!!!

ULAT BULU BERNYANYI KEGIRANGAN KERANA KESUKAAN. ULAT BULU MENGAJAR MEREKA MENARI. MEREKA CUBA MENGELAK UNTUK DISENTUH TETAPI TIDAK DAPAT TERLEPAS SEKEJAP PUN DARI PERHATIAN ULAT-ULAT BULU.

LAGU : ULAT BULU

*

Suka sama suka
Boleh jalan sama-sama
Jalan kanan lenggok
Kiri lenggok
Kepala menganggok

Suka sama suka
Boleh jalan mana-mana
Jangan jalan seorang
Tinggal belakang
Nampak sumbang

Suka sama suka
Jalan jangan jauh-jauh
Rapatlah ke tepi
Di sisi, berseri

Suka sama suka
Jangan tinggal di belakang
Jalan lenggang bersama
Bergaya

*ulang rangkap satu sahaja.

SITI DAN PENGIKUT MENGGARU GATAL. TIBA-TIBA MASUK KETUA ULAT BULU MEMEGANG ROTAN. WAJAHNYA GARANG MELIHAT SITI DAN PENGIKUTNYA ATAS BAWAH. ULAT BULU SEMUA JADI TAKUT.

KETUA ULAT BULU

Ponteng sekolah, malas sekolah, malas sekolah, ponteng sekolah !!! Kamu siapa ? Siapa nama ? Umur berapa ? Sekolah mana ? Darjah berapa ? Macamana nak pandai ???

MAMAT

Nak jawab mana satu ni ?

KETUA ULAT BULU

Tak payah jawab ! Kamu penyebab anak-anak tak sekolah, ponteng sekolah, malas sekolah, kamu bersalah !!!

SITI

Kami cari pencuri geliga, ada Ketua nampak

KETUA ULAT BULU

Aku nampak kamu menyanyi, menari, menyanyi, menari, bila nak belajar ? Bila besar jadi apa ? Macamana nak hidup kalau tak pandai ?

SITI (TINGGI)

Saya tak habis cakap lagi !

KETUA ULAT BULU

Siapa ajar kamu bercakap, menjawab ? Menjawab menengking, ponteng ! Ponteng sekolah jadi samseng !

SITI

Kami bukan samseng ! Kami tak pukul orang !

KETUA ULAT BULU

Kami bukan ulat bulu ! (MELIHAT SITI ATAS BAWAH SAMBIL MULUTNYA KUMAT-KAMIT MENGIRA TULANG RANGKA SITI) Kamu rosakkan anak ulat bulu, ajar anak ulat bulu menyanyi, menari, menyanyi, menari, melepak, ponteng sekolah, malas sekolah ! Bersalah !! Tangkap !! (MENGARAHKAN ULAT BULU LAIN TANGKAP SITI DAN PENGIKUTNYA) Dihukum campak ke sarang labah-labah !!

ULAT BULU MENANGKAP DAN MENJUNJUNG SITI SERTA PENGIKUT UNTUK DIHUMBAN KE SARANG LABAH-LABAH. MEREKA MERONTA. MINTA DILEPASKAN, KETUA ULAT BULU BERNYANYI.

Julang, julang

Julang tulang campak kesarang.

Julang, julang

Julang tulang campak ke sarang.

SITI, MAMAT, ANDAN MEMINTA DILEPASKAN TETAPI TIDAK DIPEDULI
SEHINGGA MEREKA SAMPAI KE TEMPAT LABAH-LABAH.

SCENE 7

MUZIK SERAM. SARANG LABAH-LABAH JATUH TERENTANG. RATU LABAH-LABAH DENGAN PERLAHAN TURUN DARI ATAS SARANG.

KETUA ULAT BULU

Ratu Labah-Labah yang kuat berkuasa, tamak kuasa, haloba berbisa... Aku datang menghantar makanan yang jarang sekali dirasa. Tak payah bubuh perisa, sedap dimakan macam tu aja !

RATU LABAH-LABAH

Ahhhh....(MENGUAP MENGANTUK TETAPI MAKANAN MASIH ADA DALAM MULUT, MENGUNYAH). Ulat bulu yang mendengar kata-kata. (KETAWA) Tahu takut dengan ancaman ? Setiap hari menghantar makanan, kalau tidak...seluruh keturunan ulat bulu ku makan !!!

KETUA ULAT BULU

Memang kami lemah mengalah, lemah mengalah mengikut arahan, tak ada pilihan ! (ASIDE) Kali ni hidangan bertulang-tulang, biar tersenggang, melintang di leher bila dimakan, ditelan ! Labah-labah jahat ! Peras ugut ulat-ulat !!

RATU LABAH-LABAH (KETAWA)

Akulah Ratu Labah-Labah berkuasa, semua tunduk mengikut aja, siapa membantah ku bunuh...sangat ku berbisa (KETAWA JAHAT) Hidangkan ke sarang aku ! Biar aku rasa...Kalau rasanya kelat, Ulat bulu ku makan semua !

KETUA ULAT BULU

Ada syarat, ada muslihat, ulat ini payah dapat. Rasa dengan sekali telan, sekali telan ! baru sedap dimakan, sedap dimakan ! Kalau dijamah sikit-sikit, terselit di celah gigi, rugi!

RATU LABAH-LABAH KETAWA. ULAT BULU MELEKATKAN SITI KE SARANG.
RATU LABAH-LABAH MENGHAMPIRI SITI

RATU LABAH-LABAH

Siapa-siapa pun boleh makan siapa. Bezanya rela dengan tak rela aja dimakan.

SAMBIL MEMETIK DAN MENGGOYANGKAN TALI SARANG, RATU LABAH-LABAH MENYANYI. PERLAHAN-LAHAN IA MENGHAMPIRI SITI.

LAGU : LABAH-LABAH

S: Angin bertiup
Mangsa tersangkut
Sarang ku rentang
Makanan pun datang.

R : Tra la la he he...
 Tra la la hu hu...
 Tra la la he he...
 Tra la la hu hu...

S : Ku sengat dulu
 Kemudian ku tunggu
 Mangsa pun lemah
 baru ku mamah

R : Tra la la he he...
 Tra la la hu hu...
 Tra la la he he...
 Tra la la hu hu...

S : Solo
 R : Ramai

ULAT BULU MASIH MENUNGGU DI BAWAH . TIBA-TIBA MELOMPAT SESUMPAH. ULAT BULU MERASA TAKUT DAN LARI OFF STAGE. MAMAT DAN ANDAN TERLEPAS.

SESUMPAH MENGHAMPIRI SARANG LABAH-LABAH. RATU LABAH-LABAH DAN SESUMPAH BERTARUNG HEBAT KERANA BEREButKAN MAKANAN YANG SUDAH TERHIDANG. KELIHATAN RATU LABAH-LABAH BUKAN LAWAN SESUMPAH. MAMAT DAN ANDAN SEMPAT SELAMATKAN SITI DARI SARANG DAN MEREKA LARI OFF STAGE.

SESUMPAH MENANG DAN MENDAPATI SITI SUDAH HILANG. IA AGAK MARAH DAN MENJADIKAN KETUA LABAH-LABAH SEBAGAI MAKANANNYA. IA MENGHERET KETUA LABAH-LABAH OFF STAGE.

SCENE 8

PENTAS DEPAN. SITI DAN PENGIKUTNYA GEMBIRA. MEREKA TELAH TERSELAMAT. MEREKA BERNYANYI SAMBIL BERJENGKIT-JENGKIT MENERUSKAN PENGEMBARAAN. SESEKALI TERASA GATAL DAN MENGGARU-GARU.

LAGU : BERKAWAN

Berkawan
Berkawan
Lebih baik berkawan-kawan.

Melawan
Melawan
Bersama melawan rintangan.

Berdua
Berdua
Lebih baik bertiga-tiga

Bertiga
Bertiga
Bersatu ke mana-mana

Sepakat
Sepakat
Berpakat bawa berkat

Berteguh
Berteguh
Berceraai kita roboh.

SEMASA MEREKA BERNYANYI, SEEKOR KATAK MENGINTAI DI BALIK DAUN. KATAK KEMUDIANNYA MENCULIK SITI. MAMAT DAN ANDAN TERSEDAR SITI SUDAH HILANG.

MAMAT / ANDAN (MENJERIT MENCARI)
Siti ! Siti ! Siti !

MAMAT
Siapa ?

ANDAN
Aku tak tahu !

MAMAT (MENINGGIKAN SUARA)
Siapa ?

ANDAN

Aku tak nampak, macamana aku nak tahu ?

MAMAT

Siapa yang tangkap Siti ?

ANDAN (KETAKUTAN)

Mungkin ular ? Biawak ? Ular ? Apa-apa pun boleh tangkap Siti. Kalau dah ditangkap mesti dimakan. Mungkin lepas ni kita pulak, engkau, aku.

MEREKA KETAKUTAN DAN MENGAWASI SEKELILING.

ANDAN

Mamat, kita mesti cari Siti !

MAMAT (TENSION)

Arah mana nak cari ? Nak ikut mana ? Sana ? Sini ? Mana ?

ANDAN

Aku tak tahu.

MAMAT

Kita juga tak tahu siapa pencuri geliga. Kita dah berjalan jauh. Jalan balik pun kita tak tahu.

ANDAN

Kita dah sesat. Siti hilang, geliga tak dapat.

TIBA-TIBA HINGGAP BAYAN DI DAHAN.

BAYAN

Baik hati geliga dapat dicari ! Baik hati geliga dapat dicari !

ANDAN

Bayan ! Siti dah tak sombong !

BAYAN

Siti tak berbudi ! Siti tak berbudi !

ANDAN

Siti dah berubah ! Dia tak berbunyi keldai lagi. Betulkan Mat ? Tapi Siti hilang ! Siti ditangkap binatang ! Kalau dah ditangkap, mesti dimakan.

MAMAT (MARAH)

Engkau nampak Siti dimakan ?

ANDAN

Tak.Tapi...

MAMAT (MARAH)

Kalau tak nampak jangan sebut !

BAYAN

Siti belum mati ! Siti belum mati !

ANDAN

Bayan tahu siapa culik Siti ?

BAYAN

Arah sini ! Arah sini !

BAYAN BERGEGAS TERBANG. ANDAN CUBA MENGIKUT. MAMAT YANG TAK BERKASUT, MELANGKAH SAJA KAKINYA TERUS TERCUCUK DURI. MAMAT TERJERIT DAN JATUH.

MAMAT

Andan ! tunggu !

ANDAN

Mat ! Cepat !

MAMAT

Kaki aku kena duriii !!

ANDAN

Bayannnn !! Tungguuu !!

ANDAN BERPATAH BALIK MENOLONG MAMAT. MAMAT TIDAK DAPAT BERJALAN DENGAN BAIK. ANDAN MENDUKUNG MAMAT DI BELAKANGNYA. MEREKA MEMANGGIL BAYAN TETAPI BAYAN SUDAH TERBANG. ANDAN TIDAK KUAT MENDUKUNG MAMAT DAN MEREKA TERJATUH. ANDAN MENOLONG MAMAT MENCABUT DURI DI KAKINYA.

ANDAN

Engkaulah ! Kalau tidak kita dah dapat cari Siti !

MAMAT

Engkau ingat aku nak ke dicucuk duri ?

ANDAN

Aku tahu kau tak suka Siti !

MAMAT

Dia sombong !

ANDAN

Engkau jangan pentingkan diri sendiri ! Kau bunyi keldai nanti !

MAMAT

Memang betul dia sombong ! Padan muka dia kena culik ! (MAMAT BERBUNYI KELDAI)

ANDAN (PANIK)

Aku dah cakap ! Engkau jangan pentingkan diri !!

MAMAT KETAWA KERANA BERJAYA MEMPERMAINKAN ANDAN.

ANDAN

Engkau jangan main-main Mat !

TIBA-TIBA DUA EKOR TIKUS MELINTASI MEREKA. MAMAT MENDAPAT AKAL.

MAMAT (SEPARUH BERBISIK)

Jom ! Kita ikut tikus.

MAMAT DAN ANDAN MENGEKORI TIKUS. OUT STAGE.

SEGMENT 2 (SELEPAS BERKAWAN)

LEBAH GARANG 1

(TANYA PENONTON) Siapa culik Siti ? Tahu ? Tak ? Saya tahu... Siapa ? Katak ? Betul ! Kenapa katak culik Siti ? Tahu ? Tak ? Saya tahu... Katak tu nak ajar Siti, lain kali jangan sombong !! Ha, ha, ha....

LEBAH BAIK 1

Siti dah berubah. Siti tak sombong lagi !

LEBAH GARANG 2

Siti sombong !

LEBAH BAIK 2

Siti tak sombong !

LEBAH GARANG 2

Sombong !

LEBAH BAIK 1

Tak !

LEBAH GARANG 2

Sombong ! Sombong ! Sombong !

LEBAH BAIK 2

Tak ! Tak ! Tak !

LEBAH GARANG 1

Diamlah ! Biar saya tanya pada yang ramai. Siti sombong ke tidak ? (DENGAR PENDAPAT PENONTON) Yang ramai kata sombong.

LEBAH BAIK 2

Yang ramai kata tidak ! Kita tolong Siti ! Kita cari si katak jahat, sebelum terlambat !

LEBAH GARANG 2

Tak mau ! Biar Siti mati ditawan, dimakan katak !

LEBAH BAIK 1

Lebah-lebah pun, janganlah sombong jugak. Apa salahnya berbuat baik dan berbudi ? Apa yang rugi ? Selalu berkasih sayang sepanjang hayat akan dikenang.

LEBAH GARANG 1

Di mana nak cari Siti ?

LEBAH BAIK 1

Di mana katak tinggal ?

LEBAH GARANG 2

Di kolam !

LEBAH GARANG 1 (TERJERIT)

Siti ditawan Raja Katak yang tamak !!!

SEMUA BERGE GAS OFF BALCONY.

SCENE 9

TEPI TASIK. KATAK BERBUNYI. KELIHATAN DUA EKOR KATAK MELOMPAT KE TENGAH SEBAGAI PEMIMPIN DAN MEMBERI ISYARAT KEPADA YANG LAIN UNTUK MEMULAKAN TEMASYA. SERANGGA LAIN SEPERTI BELALANG, LEBAH, RAMA-RAMA, PEPATUNG ADA DILALANG DAN DAHAN RANTING, ITIK, KURA-KURA DAN DI TEBING. KATAK BANYAKMELOMPAT-LOMPAT DI DAHAN-DAHAN MENGIKUT LAGU. MEREKA MERAIKAN MAJLIS KAHWIN RAJA KATAK HODOH DENGAN SITI. TANGAN SITI DIIKAT DAN MEMAKAI BAJU PERKAHWINAN KATAK. PENGANTIN DIHANYUT PERLAHAN DI ATAS DAUN TERATAI

LAGU : KATAK

Katak : Ong... ong... ong...
 Ong... ong... ong...
 Ong... ong... ong...

*

Katak : Panggil hujan, panggil hujan
 Panggil hujan, panggil hujan...
 Hujan saksi, hujan saksi
 Hujan saksi, pesta kahwin...

Daun teratai hanyut berpusing
 Para tetamu tengok keliling
 Raja Katak duduk bersanding
 Nampak elok bila berganding

Itik : Quek... quek... quek...
 Quek... quek... quek...
 Quek... quek... quek...

* ulang

Katak : Semua di tasik dijemput datang
 Raikan majlis gilang gemilang
 Raja Katak bukan sebarang
 Pilih manusia bukan binatang

Itik : Dengar cerita kahwin paksa
 Muka masam macam cuka
 Katak hodoh, dia tak suka
 Bukan setara dengan manusia

Semua : Katak perasan, katak perasan
Muka hodoh siapa pun tak berkenan.

SEMUA BINATANG / SERANGGA YANG ADA BERSORAK BENCIKAN KATAK YANG PERASAN MEMILIH MANUSIA SEBAGAI PASANGAN. RAJA KATAK MARAH. TIBA-TIBA DATANG SESUMPAH. SEMUA BINATANG BERBUNYI BISING DAN LINTANG PUKANG LARI. RAJA KATAK MELOMPAT LARI. TINGGAL SITI DI ATAS DAUN TERATAI YANG SEMAKIN HAMPIR DENGAN SESUMPAH.

SITI

Tolong ! Tolong aku katak ! Tolongggg !!!

MAMAT DAN ANDAN SAMPAI KE TEPI TASIK DENGAN TERCUNGAP-CUNGAP PENAT.

SITI

Mamat ! Andan ! Tolong aku !

MAMAT MENARIK AKAR KAYU DAN MEMUKUL AKAR KAYU KE LANTAI UNTUK MENARIK PERHATIAN SESUMPAH. ANDAN JADI UMPAN DAN MAMAT BERJAYA MENGIKAT KAKI SESUMPAH DENGAN AKAR SEHINGGA SESUMPAH SUKAR BERGERAK. KATAK-KATAK MENEBAHKAN JALA DAN SESUMPAH JATUH TERPERANGKAP.

RAJA KATAK

Bawak sesumpah ke ladang ! Jinak kan dia menjadi kuda tunggangan !

SITI

Macamana awak berdua tahu saya di sini ?

ANDAN

Tikus yang tunjukkan arah. Tikus jugak tahu siapa pencuri geliga.

MAMAT

Cepat ! Kita tinggalkan tempat ni.

SITI BUANG BAJU KAHWINNYA. RAJA KATAK DAN PENGAWALNYA CEPAT MENGHALANG.

SITI

Ke tepi kau Raja Katak hodoh !

RAJA KATAK

Engkau tak boleh pergi !

MAMAT

Kami tak buat salah ! Kenapa culik Siti ?

ANDAN

Kenapa tahan kami ?

RAJA KATAK

Aku nak kahwin dengan Siti !

ANDAN (GELI)

Perut lembik, ada hati nak kahwin perempuan cantik !

RAJA KATAK

Kalau kau kahwin aku, aku tolong kau cari geliga.

SITI

Aku tak perlukan pertolongan yang tak jujur !

RAJA KATAK

Akulah yang paling jujur !

ANDAN

Jangan Siti ! Jangan percaya ! Dia menipu !!

RAJA KATAK

Manusia degil ! Geliga...aku nak geliga !!

PERMAISURI KATAK MELOMPAT MASUK BERSAMA PENGIKUTNYA.

PERMAISURI KATAK

Raja katak berat sebelah ! Kalau dapat geliga, tak kan adil memerintah !

RAJA KATAK

Kau diamlah !

PERMAISURI KATAK

Mana boleh diam ? Aku Permaisuri Katak ! Aku tak suka kau kahwin manusia.

RAJA KATAK

Kahwin manusia boleh suruh dia buat kerja ! Besarkan tasik besarkan istana ! Aku dapat geliga, aku lagi kaya, aku beli tasik beli laut ! Aku boleh beli semua ! Kau suka ke kau tak suka ke, aku kahwin manusia ! aku kan lebih berkuasa kalau ada geliga ! (ARAHAN)
Kau dapatkan geliga untuk aku !!

SITI

Raja katak tamak ! Dah banyak harta masih nak geliga ? Aku takkan dapatkan geliga untuk engkau !!

RAJA KATAK

Tangkap dia !

PERMAISURI KATAK

Lepaskan dia !

PENGAWAL KATAK

Yang mana satu ni ong !

RAJA KATAK

Aku raja memerintah ! Kau jangan masuk campur apa yang aku arah !

PERMAISURI KATAK

Aku tak kan mengalah ! Aku pun ada hak memerintah !

RAJA KATAK DAN PERMAISURI TERUS BERTELAGAH. SEMUA KATAK BERBUNYI BISING. PERMAISURI MENANG DAN SEMUA KATAK MELOMPAT MENYEBELAH PERMAISURI. SITI DAN PENGIKUT MENCARI PELUANG UNTUK LARI. BELUM PUN SEMPAT MEREKA LARI....

PERMAISURI KATAK

Tangkap ! Dia dan geliga menyebabkan Raja Katak tamak dan hilang arah. Didapati bersalah dan dihukum buang daerah !!!

SITI

Permaisuri ! Kami tak bersalah !! Hukuman tak adil !! Saya bantah !!

PENGAWAL KATAK MENANGKAP SITI DAN PENGIKUTNYA OFF STAGE. PERMAISURI DAN RAJA KATAK BERBAIK SEMULA. SEMUA BERSORAK GEMBIRA DAN OFF STAGE.

SCENE 10

PENTAS DEPAN. DUA EKOR TIKUS PENGINTIP MENARIK SITI DAN PENGIKUTNYA YANG MASIH DIKAT. MEREKA KESAKITAN. BAYAN MENGIKUT DARI BELAKANG SAMBIL BERBUNYI.

SITI (MERAYU)

Tikus... tolonglah lepas kami.

MAMAT

Lagi kuat kita meronta, lagi kuat tali ni mengikat.

TIKUS PENGINTIP TIDAK PEDULIKAN RAYUAN SITI. IA MEMBAWA SITI MENUJU KE SARANG TIKUS, TEROWONG YANG DIPENUHI DENGAN KECANGGIHAN KOMPUTER. TIKUS MENYANYI DAN MENARI.

LAGU : TIKUS

* Cit, cit, cit, cit
Cit, cit, cit, cit
Maju, maju,
Maju fikir ku.

T/1 Bertahun-tahun kami menyelidik
Dengan komputer kami celik

T/2 Cari maklumat dapat maklumat
Semua fakta adalah tepat.

Maju, maju,
Maju fikir ku.

T/3 Kuat kerja kami usaha
Dapat geliga kami punya

T/4 Cari harta curi minda
Apa saja asal berkuasa

* Ulang semua

KETUA TIKUS KELUAR, SEMUA TIKUS HORMAT. DITANGAN TIKUS ADA SEBILAH PISAU SAKTI YANG CANTIK.

KETUA TIKUS

Akulah ketua di sini. Semua arahan ku tidak siapa pun berani membantah ! Bersuara adalah melanggar perintah ! Aku memang menunggu kedatangan kamu budak sombong !

ANDAN

Dia tak sombong !

KETUA TIKUS MENDENGUS MARAHKAN ANDAN YANG BERSUARA.

SITI (TERAGAK-AGAK)

Maaf...Betul ke tikus tahu siapa pencuri geliga ?

KETUA TIKUS

Geliga itu geliga keturunan, dicuri pada malam harijadi dan kamu Siti, bukan ?

(KETAWA JAHAT) Ha ! Ha ! Ha!

KETUA TIKUS MENGELUARKAN PISAU SAKTINYA. SITI DAN PENGIKUTNYA TAKUT. KETUA TIKUS MEMOTONG TALI YANG MENGIKAT MEREKA. CAHAYA KELUAR DARI PISAU APABILA DIGUNAKAN. MEREKA KAGUM.

SITI (AGAK TAKUT)

Memang betul, sayalah Siti. Macamana tikus tahu ?

KETUA TIKUS

Saya tahu dari komputer....internet (KETAWA BANGGA). Kalau pandai komputer, cerita satu dunia aku boleh tahu.

SITI

Boleh tikus bagitahu siapa pencuri geliga ?

KETUA TIKUS

Boleh. Tapi kalau saya bagitahu, apa yang saya dapat ? Huh ?

SITI

Apa yang tikus nak ?

KETUA TIKUS

Aku mahu geliga !! Aku mahu kaya !! Aku mahu kuasa !!

SITI DAN PENGIKUT MENJADI TAKUT.

MAMAT

Tak boleh !!! Geliga itu Siti yang punya.

KETUA TIKUS MENJADI MARAH MELOMPAT MENERKAM MAMAT DAN MAHU MENGGIGITNYA. SEMUA TIKUS MENJADI TAKUT.

KETUA TIKUS (UGUT)

Aku dah selamatkan kamu dari katak, sekarang kamu kata tak boleh bagi ? Manusia tak sayang nyawa !!! (MEMBERI ARAHAN KEPADA TIKUS MENANGKAP MAMAT)
Tangkap !!!

SITI (MERAYU)

Maafkan kawan saya tikus, tolonglah...jangan apa-apakan kawan saya. Saya akan bagi geliga...

MAMAT

Jangan Siti !!

KETUA TIKUS MENGANCAM MAMAT

SITI

Jangan ! Tapi...saya tak tahu siapa pencurinya, macamana saya nak ambik balik geliga tu ?

KETUA TIKUS

Aku akan bawa kamu ke tempatnya (KETAWA JAHAT) Kamu boleh lihat sendiri siapa pencuri geliga !! Bukan kah kamu pun tak sabar nak tahu ? Tetapi ingat ! Saya ada hak ke atas geliga !

SITI

Kami tak ada senjata, bolehkah Ketua Tikus pinjamkan pisau di tangan tu ?

KETUA TIKUS MELOMPAT MARAH KE ARAH SITI MENGANCAM UNTUK MENGGIGITNYA.

SITI (MENGGIGIL TAKUT)

Maafkan saya...

KETUA TIKUS MEMBAWA SITI KE SATU LORONG BAWAH TANAH. TIKUS MENOLAK SITI DAN PENGIKUT SEHINGGA MEREKA MELUNCUR TERJATUH KE DALAM LUBANG YANG CURAM. TIKUS TERJUN DENGAN HATI-HATI. BAYAN DENGAN PANTAS TERBANG MASUK KE LUBANG. GELAP.

SITI

Si kelip api !

CAHAYA TERANG DARI LAMPU PEMBERIAN KELIP API. MEREKA JATUH KE SARANG NAGA.

NAGA BANGUN TERKEJUT DAN MENDENGUS. MEREKA TERKEJUT, JELAS KELIHATAN KEPALA DAN BADAN NAGA. MEREKA SERENTAK MENJERIT, NAGA !

NAGA TERUS BERGERAK PANTAS MENGEJAR KE ARAH SUARA DAN CAHAYA LAMPU KELIP-KELIP. SITI DAN PENGIKUT TERGIGIL HAMPIR MENANGIS KETAKUTAN. TIKUS TERGIGIL SAMBIL BERSEMBUNYI DI SATU SUDUT. KELIHATAN CAHAYA GELIGA DI LEHER NAGA BERNYALA MALAP. NAGA SEMAKIN HAMPIR.

BAYAN

Campak lampu Si kelip api ! Campak lampu Si kelip api !!!

SITI CAMPAK DAN NAGA MENGIKUT ARAH CAHAYA LAMPU.

MAMAT

Cari lorong keluar !

TIKUS (MARAH)

Geliga !! Dapatkan geliga untuk aku !

NAGA Mencari suara tikus. Ia hampir dengan tikus yang sedang menghunus pisaunya. Dengan pantas naga mematuk tikus. Tikus menggelupur mati dan pisaunya jatuh. Bayan cepat mengambil pisau tikus.

Naga datang semula menghampiri Siti dan mahu menyerang Siti. Bayan menghalang naga. Bayan terkena sengatan dan terus terjatuh. Siti terjerit memanggil Bayan. Siti sempat mengambil pisau di mulut Bayan dan dengan azam berdiri bersedia, untuk melawan.

Beberapa saat kemudian Siti menukar rancangannya dan berdiri bersedia untuk ditelan. Naga menghampiri Siti dan sepantas kilat menelan kepala Siti. Andan dan Mamat terjerit memanggil Siti. Naga menelan seluruh tubuh Siti. Sebentar kemudian naga kesakitan. Siti keluar dari leher naga dengan kotor. Di tangan Siti ada geliga dan pisau yang bernyala. Naga mati.

SITI MENDAPATKAN BAYAN YANG TERBARING MATI.

SITI (MONOLOG)

Bayan...Maafkan Siti. Siti ingat Bayan jahat...tapi bayan sanggup mati kerana nak menyelamatkan Siti. Tak sempat cakap terima kasih pun. Bayan memang burung yang cantik. Burung yang baik hati. Buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali. Siti akan selalu berbuat baik. Dulu Siti sombong...sekarang Siti sudah menyesal. Harta kekayaan bukan segala-galanya, rupa yang cantik bukan untuk dibangga. Selalu berkasih sayang, sepanjang hayat akan dikenang....

FADE OFF- GELAP

SCENE 11

DARI JAUH, MUKA GERGASI BATU PERLAHAN-LAHAN DATANG KE DEPAN.

MUKA GERGASI BATU

Kaya bukan angkuh meraja
Miskin bukan hamba selama

MUKA GERGASI BATU KEMUDIANNYA MELUDAHKAN SEMULA MAMAT YANG MEMEGANG PISAU KEMUDIAN ANDAN. MAMAT DAN ANDAN MENJERIT MEMANGGIL SITI. MUKA GERGASI BATU MELUDAHKAN SEMULA SITI KECIL BERSAMA GELIGA.

MAMAT / ANDAN

Siti dah jadi kecil balik !

MUKA GERGASI BATU UNDUR KE BELAKANG DAN MEREKA BERGERAK KE PENTAS DEPAN. MEREKA MELIHAT KELILING DAN MENANTI SESUATU.

MAMAT

Rumah tak timbul pun ?

ANDAN

Tak ada apa-apa pun ?

SITI (SEDIH)

Mamat, Andan... Siti tahu Siti sombong sebelum ni, maafkan Siti. Ayah !! Siti dah bawa geliga... ampunkan Siti kalau Siti salah... Siti dah tahu, kasih sayang adalah segala-galanya.

TIBA-TIBA ANGIN BERTIUP KENCANG DAN RUMAH TIMBUL BALIK. SEMUA KEMBALI SEPERTI ASAL. SITI MENDAPATKAN TUAN MALIM DAN MELETAKKAN SEMULA GELIGA DI TEMPATNYA. SITI SUDAH BERUBAH MENJADI SEORANG YANG BAIK HATI DAN MUDAH TERSENYUM.

LAGU : KAYA HARTA KAYA RUPA

R : Dia cantik
 Cantik pekerti
 Dia kaya
 Budi bahasa
 Dia mulia

R : Dia punya jiwa merdeka
 Dia punya semangat yang waja
 Dia punya usaha

S : Aku yang punya

R : Dia punya rakyat jelata
 Dia memerintah adilnya
 Semua orang pun suka
 Kaya harta kaya rupa

R : Dia cantik
 Cantik pekerti
 Dia kaya
 Budi bahasa
 Dia mulia.

R : Siti Di Alam Fantasi
 Siti Di Alam Fantasi

GRAND FINALE. MASUK BINATANG DEMI BINATANG MENGIKUT
PENAMPILAN DENGAN LAGU MASING-MASING (LAGU TAK SEMESTINYA
DINYANYIKAN SAMPAI HABIS)

T A M A T

Terima kasih yang tak terhingga buat semua yang menyumbang idea.

LAMPIRAN II



**A) AMINAH RHAPOR : PENGARAH DAN PENULIS SKRIP TEATER
"SITI DI ALAM FANTASI"**

B) BIODATA PENULIS DAN PENGARAH TEATER “SITI DI ALAM FANTASI”

Nama : Aminah binti Abd.Rhapor
Tarikh Lahir : 15 Disember 1966
Umur : 35 tahun
No. K/P : 661215-08-5338
Tempat Lahir : Tanjong Malim. Perak
Status : Berkahwin
Bilangan Anak : 4 orang
Pekerjaan : Aktivis Teater
Alamat : No 312-B, Pandan Height
Pandan Perdana
55300 Kuala Lumpur
No. Tel : 03-9644264
016-2921808

PENDIDIKAN

1. Institut Bimbingan Seni KBN (Kompleks Budaya Negara)
Tahun 1986
2. Sijil Seni Kreatif Universiti Sains Malaysia
Tahun 1987-1988
3. Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Pengkhurusan Seni Lakon),
Universiti Sains Malaysia
Major : Seni Lakon
Minor : Komunikasi Massa
Tahun 1988-1992

PENGALAMAN

a) Bidang Teater

1. Pengarah **Teater “Tanah Bernanah”**, terbitan Kompleks Budaya Negara (KBN), di bawah slot Drama Sebak tahun (1993). Dibawa ‘tour’ persembahannya ke Selatan Malaysia. Teater ini berjaya menjadi Juara Pekan Teater Kebangsaan 1992. Memenangi kategori Persembahan Terbaik, Pengarah Terbaik, Teknik Terbaik, Pelakon Wanita Terbaik, Pelakon Lelaki Terbaik, Pelakon Pembantu Wanita Terbaik.
2. Pengarah **Teater “Tun Mamat dan Puteri Gunung Ledang”** bersama Aziz M. Osman. Terbitan Kompleks Budaya Negara (KBN), di bawah slot Drama Sebak (1996).
3. Menghasilkan skrip dan menjadi Pengarah **Teater Muzikal Tari “Laila Majnun”** yang dipersembahkan sempena Festival Kebudayaan Komanwel Kuala Lumpur 1998. Terbitan Panggung Negara, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.
4. Penolong Pengarah kepada En. Adnan Hamzah bagi **Teater “Selendang Umi”** karya SN Dato’ Nordin Hassan, sempena Festival Kebudayaan Komanwel Kuala Lumpur 1998 yang diterbitkan oleh Panggung Negara.
5. Penulis Skrip dan Pengarah **Teater Muzikal Kanak-Kanak “Siti di Alam Fantasi”** sempena Festival Kebudayaan Komanwel Kuala Lumpur 1998. Terbitan Pak Ngah Production dan Panggung Negara. Dipentaskan semula di Istana Budaya pada 20-26 November 2000 terbitan Istana Budaya, Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Persembahan teater ini telah mencatat penonton teater paling ramai di Malaysia.

6. Panel Juri Profesional bagi Festival Kesenian Antara Kementerian-Kementerian tahun 1999 dan 2000 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra.
7. Panel Hakim bagi Pertandingan Pekan Teater 1998 dan 1999 Peringkat Negeri serta tahun 2000 Peringkat Zon dan Pembentang kertas kerja teater bagi Sidang Ilmu Peringkat Kebangsaan 1998, 1999 dan 2000.
8. Pelakon teater dalam beberapa buah persembahan teater iaitu dalam teater **“Degup Jantung”** arahan Samat Salleh, **“Semandin”** arahan Prof. Dr. Ghouse Nasaruddin, **“Sita Dewi”** arahan Janet Pillai, dan **“Uda dan Dara”** arahan Jessica Lim Eng Hwa.

b) Bidang Perfileman dan Drama

1. Penolong Pengarah kepada Aziz M. Osman dalam filem **“Baginda”**. Terbitan Grand Briliance Sdn. Bhd. (1997). memenangi anugerah Filem Terbaik 1998.
2. Penolong Pengarah bagi Drama Siri **“Romeo & Juliet”** dan **“Salam Taj Mahal”**, terbitan Kuasatek Pictures Sdn. Bhd.
3. Mengarah Drama TV untuk terbitan stesen tempatan. Terbaru mengarah Drama Siri **“Siti di Alam Fantasi”** untuk terbitan TV1.
4. Pembentang Kertas Kerja Drama Kanak-Kanak dan Remaja bagi Minggu Penulis Remaja 2000, Penulis dan Pembentang Kertas Kerja Seminar Sastera Kanak-Kanak dan Remaja 2001 untuk Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
5. Penceramah bagi Bengkel Lanjutan Penulisan Drama Pentas Kanak-Kanak 2001 untuk guru-guru dari Jabatan Pendidikan Negeri Johor, anjuran Yayasan Warisan Johor.

LAMPIRAN III

**GAMBAR - GAMBAR SEKITAR PERSEMBAHAN TEATER
"SITI DI DALAM FANTASI"**



GAMBAR 3.1




GAMBAR 3.2




GAMBAR 3.3




GAMBAR 3.4



GAMBAR 3.5




GAMBAR 3.6



GAMBAR 3.7



GAMBAR 3.8



GAMBAR 3.9



GAMBAR 3.10



GAMBAR 3.11



GAMBAR 3.12



GAMBAR 3.13



GAMBAR 3.14




GAMBAR 3.15




GAMBAR 3.16



GAMBAR 3.17



GAMBAR 3.18



GAMBAR 3.19



GAMBAR 3.20



GAMBAR 3.21



GAMBAR 3.22

LAMPIRAN IV

ILUSTRASI WATAK-WATAK DI DALAM TEATER "SITI DI ALAM FANTASI"



SITI



MAMAT



ANDAN



TUAN MALIM



BURUNG BAYAN



TIKUS



LEBAH



SESUMPAH



LIPAS



LABAH-LABAH



ULAT BULU



RAJA KATAK



KELIP-KELIP